



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR**



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (13)
Tarikh : 04 Oktober 2021

**Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH DALAM FASA 3 PELAN PEMULIHAN NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pembukaan semula institusi pendidikan bawah KPM akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan tertakluk kepada ketetapan KPM berdasarkan penilaian risiko, nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Seperti yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan bahawa bermula 1 Oktober 2021, negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan beralih ke Fasa 3 PPN. Oleh itu, pengoperasian institusi pendidikan di WP Kuala Lumpur mengikut ketetapan Fasa 3 PPN akan bermula pada 18 Oktober 2021.

4. Sehubungan dengan itu, semua **murid Tingkatan 5 SMK Tiara Permai akan hadir ke sekolah secara penggiliran mulai 18 Oktober 2021**. Manakala semua murid Tingkatan 1, 2, 3, dan 4 kekal melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) akan hadir ke sekolah seperti yang dimaklumkan melalui surat SMKTP.600-2/1/2 (12) bertarikh 27 September 2021.

...5. Bersama-sama ini dilampirkan info peralihan fasa bagi negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan. **Pihak sekolah akan mengeluarkan makluman perincian berkaitan dengan pembukaan sekolah kepada semua ibu bapa/penjaga murid Tingkatan 5.**

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)
Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

PERALIHAN FASA WP KUALA LUMPUR

PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KPM
MENGIKUT KETETAPAN FASA BAHARU AKAN DILAKUKANAN
SELEPAS 2 MINGGU DARIPADA TARikh PERALIHAN FASA

01 OKTOBER
BERKUATKUASA PERUBAHAN FASA
WP Kuala Lumpur beralih daripada Fasa 2 kepada Fasa 3 PPN.

04 OKTOBER
MENGIKUT KETETAPAN FASA 2
Sekolah Rendah :
• MBK di SKPK & PPKI hadir tanpa penggiliran.
• Murid lain PdPR.
Sekolah Menengah :
• Murid Tingkatan 6 Sem 2 hadir tanpa penggiliran.
• Murid Prauniversiti Sem 3 di Sekolah Sukan Malaysia hadir tanpa penggiliran.
• MBK di SMKPK/SMPKV & PPKI hadir tanpa penggiliran.
• Murid kelas peperiksaan antarabangsa¹ hadir tanpa penggiliran.
• Murid lain PdPR.

18 OKTOBER
MENGIKUT KETETAPAN FASA 3
Sekolah Rendah :
+ Murid prasekolah hadir tanpa penggiliran.
Sekolah Menengah :
+ Murid kelas peperiksaan antarabangsa² yang lain hadir secara penggiliran.
+ Murid Prauniversiti Sekolah Sukan Malaysia hadir tanpa penggiliran.
+ Murid kelas peperiksaan awam³ di sekolah asrama sepenuhnya hadir tanpa penggiliran.
+ Murid kelas peperiksaan awam³ di sekolah harian/ swasta hadir secara penggiliran.

¹IJCSE O-Level, A-Level, Australia Higher School Certificate dan IBDP
²Advanced Placement, Central Board Of Secondary Education (CBSE), Ontario Secondary Skill Literacy Test, Cambridge International Examinations, High School Entrance Examination, Lyon School Entrance Standard dan Iranian Secondary Final Exam
³SPM, SVM, STAM dan STPM

f DrRadziJidin **o** Radzi.Jidin **t** RadziJidin